



**TERMA RUJUKAN
PENERBITAN DOKUMENTARI
ANAK JEL
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA**

Projek	:	Filem Pendek Kempen “Anak Jel”
Jangka masa projek	:	2 bulan
Tarikh mula projek	:	
Konsultan	:	

1. Latarbelakang

- 1.1 Kempen untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai situasi kanak-kanak yang dilahirkan oleh ibu mereka ketika menjalankan hukuman penjara, cabaran dan implikasi kepada kanak-kanak dalam tiga tahun pertama kanak-kanak.
- 1.2 Untuk mendokumentasi pengalaman dan cabaran yang dihadapi oleh kanak-kanak yang dilahirkan oleh ibu yang menjalani hukuman penjara serta kehidupan awal mereka, iaitu 1000 hari pertama¹ kehidupan kanak-kanak yang dianggap sebagai ‘masa keemasan’ atau *golden age* yang menjadi asas kepada pertumbuhan fizikal, perkembangan mental, dan kesihatan masa depan kanak-kanak.
- 1.3 Kempen ini adalah sebahagian dari tanggungjawab SUHAKAM dalam melaksanakan fungsi dan kuasanya di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] yang memberi perhatian kepada isu hak asasi manusia di Malaysia dan membawa ke perhatian Kerajaan untuk menasihati dan membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan, arahan dan tatacara pentadbiran serta memupuk kesedaran mengenai hak asasi manusia.

¹ Apa itu 1000 Hari Pertama Kehidupan. Ke Arah Anak Malaysia Sihat 2030. Kementerian Kesihatan Malaysia. <https://www.facebook.com/photo/?fbid=919739743521363&set=a.221890939972917>

2. Objektif

- 2.1 Untuk mendokumentasi pengalaman dan cabaran yang dihadapi oleh ibu yang membesarkan anak di dalam penjara.
- 2.2 Untuk meningkatkan kesedaran Kerajaan dan masyarakat sivil mengenai hak kanak-kanak kepada penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak² sehingga usia 1000 hari.
- 2.3 Menyediakan dokumentari berasaskan fakta, penyelidikan dan pengalaman sebenar di dalam penjara, serta memberi sokongan kepada penambahbaikan kepada kebajikan kanak-kanak yang terkesan akibat pemenjaraan ibu mereka.

3. Hasil dan Serahan

- 3.1 Pihak Konsultan perlu menghasilkan dua hasil (output) berikut:
 - 3.1.1 **Output 1:** Dokumentari pendek berkenaan Anak Jel berdurasi 25-30 minit.
 - 3.1.2 **Output 2:** Memasarkan dokumentari ini melalui medium *podcast*, *platform* media sosial dan *teasers*.
- 3.2 Konsultan perlu melaksanakan dan menyerahkan empat, seperti berikut:
 - 3.2.1 Satu dokumentari pendek berdurasi 25-30 minit.
 - 3.2.2 Dua episod siaran *podcast*
 - 3.2.3 Satu *teaser* untuk dokumentari
 - 3.2.4 1 staging of a film premier

4. Lokasi

- 4.1 Lokasi penggambaran **di ---** dan mendapat kebenaran dari Jabatan Penjara Malaysia.

² Draft Guiding Principles on the Right to Early Childhood Care and Education (2024). UNESCO. [chrome-extension://efaidnbmnnnibpcajpcglclefindmkaj/https://www.unesco.org/sites/default/files/medias/fichiers/2024/12/draft-guiding-principles-right-to-ecce.pdf](https://www.unesco.org/sites/default/files/medias/fichiers/2024/12/draft-guiding-principles-right-to-ecce.pdf)

5. Skop Kerja

5.1 Konsultan yang dilantik hendaklah melaksanakan perkara di bawah termasuk:

- 5.1.1 Menjalankan penyelidikan awal dan membangunkan konsep dokumentari.
- 5.1.2 Menyediakan cadangan kreatif termasuk sinopsis, jalan cerita (*storyline*) pendekatan visual dan skrip.
- 5.1.3 Menjalankan temubual bersama pihak berkaitan yang telah dikenalpasti.
- 5.1.4 Menjalankan rakaman dokumentari di lokasi yang telah diluluskan oleh Jabatan Penjara Malaysia.
- 5.1.5 Menyediakan rakaman sokongan, grafik, animasi serta infografik yang sesuai dengan dokumentari tersebut.
- 5.1.6 Menjalankan proses suntingan, rakaman suara latar (*voice over*), sari kata (*subtitle*) dan perkara pasca produksi (*post production*).
- 5.1.7 Mengemukakan sekurang-kurangnya dua versi suntingan untuk semakan.
- 5.1.8 Menyerahkan produk akhir di dalam format digital berkualiti tinggi kepada SUHAKAM.
- 5.1.9 Menjalankan pemasaran dokumentari di platform media sosial.
- 5.1.10 Mengadakan sekurang-kurangnya satu *podcast* untuk dokumentari ini.

6. Tugas dan tanggungjawab Konsultan

6.1 Konsultan mempunyai tugas dan tanggungjawab seperti berikut:

- 6.1.1 Beraku janji untuk mendapatkan persetujuan dan/atau kelulusan yang diperlukan dari mana-mana pihak ketiga yang berkaitan bagi maksud pelaksanaan produksi ini dan Konsultan hendaklah menanggung ganti rugi Suruhanjaya terhadap liabiliti, tuntutan kerugian dan kerosakan dalam apa jua bentuk yang ditanggung atau dikenakan terhadap Suruhanjaya yang berpunca dari kegagalan Perunding untuk mendapatkan persetujuan dan/atau kelulusan.

6.1.2 Beraku janji untuk tidak melanggar apa-apa hak harta intelek atau apa-apa hak lain berkaitan dalam pelaksanaan produksi ini. Konsultan hendaklah mendapatkan persetujuan, lesen, dan/atau kelulusan yang diperlukan dari mana-mana pihak ketiga berhubung dengan hak harta intelek tersebut. Pihak Konsultan hendaklah menanggung ganti rugi Suruhanjaya terhadap segala liabiliti, tuntutan, kerugian kos, perbelanjaan dan ganti rugi dalam apa jua bentuk yang ditanggung oleh atau dikenakan terhadap Suruhanjaya akibat daripada apa-apa pelanggaran hak harta intelek atau kegagalan Konsultan mendapatkan persetujuan, lesen dan/atau kelulusan yang berkenaan.

6.1.3 Menjalankan penerbitan filem mengikut tempoh masa sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual 1 di bawah:

Deliverables	Tempoh masa (dari tarikh kontrak dimeterai)
<i>Fasa 1: Foundation Pre-production workshop and actors rehearsal</i>	xx Julai 2026
<i>Fasa 2: August 2026/Production 5 days film shoot and 3 days of Podcast recording.</i>	xx Ogos 2026
<i>Fasa 3: September 2026/Post and Tease High intensity editing and release of silent teasers for early social media engagement.</i>	xx September 2026
<i>Fasa 4: October 2026/The Launch Digital Inoact Premiere and the formal presentaton of the ATD policy proposal to stakeholders.</i>	xx Oktober 2026

6.1.4 Masa yang ditetapkan di mana-mana dalam Perjanjian ini begi pelaksanaan tanggungjawab Konsultan adalah intipati Perjanjian ini. Suruhanjaya tidak akan mempertimbangkan sebarang permohonan untuk melanjutkan tempoh masa kecuali pelanjutan tersebut diperlukan berikutan keadaan luar jangka yang mana kelulusan adalah tertakluk kepada budi bicara mutlak Suruhanjaya, atau disebabkan oleh kelewatan yang berpunca daripada atau disumbangkan oleh Suruhanjaya.

- 6.1.5 Perunding hendaklah mengambil kira dan memasukkan segala ulasan, pandangan dan maklum balas yang diberikan oleh Suruhanjaya ke dalam hasil penerbitan akhir selepas tempoh semakan.
- 6.1.6 Perunding hendaklah menyerahkan satu (1) salinan *soft copy* hasil penerbitan filem kepada Suruhanjaya pada tarikh yang dinyatakan dalam jadual di atas.
- 6.1.7 Perunding hendaklah bertanggungjawab untuk membangunkan serta memastikan pematuhan terhadap garis panduan temubual dan panduan media yang melibatkan kanak-kanak.
- 6.1.8 Hak cipta filem hendaklah menjadi hak milik eksklusif “**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia**” bersama Konsultan yang dipilih.
- 6.1.9 Perunding hendaklah bertanggungjawab secara langsung kepada Suruhanjaya.
- 6.1.10 Suruhanjaya berhak, setelah mengambil langkah-langkah yang munasabah dan menggunakan segala remedi yang ada, untuk mengurangkan bayaran akhir sekiranya hasil penerbitan akhir filem didapati **tidak memuaskan**.
- 6.1.11 Tanpa menjejaskan apa-apa hak atau remedi lain yang dimiliki oleh Suruhanjaya di bawah Perjanjian ini atau undang-undang, Suruhanjaya boleh, melalui notis bertulis, menamatkan pelantikan Konsultan sekiranya Konsultan:
- a) Didapati melanggar mana-mana terma dan syarat pelantikan yang terkandung dalam Perjanjian ini. Sekiranya pelanggaran tersebut boleh diperbetulkan tetapi gagal diperbetulkan oleh Konsultan dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh Konsultan menerima notis bertulis daripada Suruhanjaya yang menyatakan pelanggaran tersebut serta menghendaki supaya pelanggaran itu diperbetulkan;
 - b) Gagal atau enggan, selepas menerima arahan bertulis daripada Suruhanjaya, untuk menyediakan perkhidmatan sebagaimana yang dikehendaki secara munasabah dan sewajarnya di bawah Perjanjian ini.

7. Jadual Pembayaran

7.1 Konsultan hendaklah mengemukakan pecahan bajet bersama-sama emel penyerahan bagi pelaksanaan tugas yang dinyatakan di atas. Pembayaran kepada Konsultan yang berjaya dilantik hendaklah dibuat mengikut jadual pembayaran seperti yang berikut:

Bayaran	Peratusan (%)
Bayaran Pertama	40 % (<i>upon signing of contract</i>)
Bayaran Kedua	30% (<i>upon final media campaign</i>)
Bayaran Akhir	30% (<i>upon final submission of film</i>)

- a) Segala kos yang berkaitan dengan pelaksanaan kewajipan Konsultan di bawah pelantikan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada kos perjalanan, sewaan premis bagi tujuan mengadakan mesyuarat atau temubual, serta kos yang ditanggung berhubung dengan bayaran gaji Konsultan bersama atau pembantu, hendaklah diperincikan dalam templat bajet.
- b) Suruhanjaya boleh memberikan bantuan kepada Konsultan berhubung dengan aspek logistik tertentu seperti urusan tempahan sekiranya perlu.

8. Kompetensi dan kelayakan

8.1 Pakar undang-undang atau ahli akademik yang berminat untuk melaksanakan tugas ini hendaklah memenuhi keperluan berikut:

8.1.1 Kemahiran:

- a) Mempunyai rekod prestasi yang terbukti dalam menghasilkan filem dan dokumentari berkualiti tinggi.

8.1.2 Kelayakan akademik dan pengalaman profesional:

- a) xxxx

8.1.3 Bahasa:

- a) Fasih Bahasa Malaysia dan Inggeris.

Disediakan oleh : Yustina Ishak ,PSU, LITD, pada 1 Julai 2026

Disemak oleh : Pn. Munawiza Juliana Jasin , TSU PLG pada 2026.